

Pembangking kalah sebab gagal guna taktik kotor

UM 22 JAN 2002
JOHOR BAHRU 21 Jan.

— Kekalahan pembangkang dalam pilihan kecil Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan Sabtu lalu disebabkan kegagalan mereka menggunakan taktik kotor, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau yang juga Pengurus Barisan Nasional (BN) berkata, hanya pembangkang sahaja yang bertindak sedemikian sama seperti pilihan raya kecil di Lunas tidak lama dulu.

“Di Lunas dulu dia (pembangkang) punya kerja (guna taktik kotor) kita (di Indera Kayangan) tak buat ‘apapun; tidak ada samsengpun,” katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat mengenai pelan pembangunan semula Tambak Johor di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan Presiden Keadilan, Datin Seri Dr. Wan Azizah Ismail dan Presiden Pas, Datuk Fadzil Nor bahawa kemenangan BN di Indera Kayangan kerana BN menggunakan taktik kotor.

Dr. Mahathir berkata, sebenarnya parti pembangkang itu memang terkenal dengan pelbagai tuduhan.

“Mereka (pembangkang) hanya pandai menuduh. Masa dulu (pilihan raya kecil Lunas) dia buat (taktik kotor), dia tidak tuduh pula itu kerja Pas,” katanya.

Mengenai dakwaan pembangkang bahawa media mengeksploitasi isu perang di Afghanistan termasuk menonjolkan pelbagai unsur keganasan rejim Taliban bagi membantu kemenangan BN, Perdana Menteri berkata: “Mereka eksploitasi macam-macam termasuk maki orang serta macam-macam isu lagi.”